

Isi tempat kosong dengan pilihan jawapan yang betul. Kemudian, salin semula.

berjanji	berhemah	memastikan
berkala	berbakti	berkhidmat
mempunyai	dilengkapi	diperbuat
berfungsi	penyelenggaraan	bergerak
dibekalkan	merosakkan	bertanggungjawab

Aku Sebuah Eskalator

Aku ialah sebuah escalator. Aku _____ (1) daripada besi yang mempunyai rantai dan bermotor. Aku dapat _____ (2) dari aras ke aras bagi memudahkan pengguna.

Aku _____ (3) dengan alat keselamatan. Aku _____ (4) suis kecemasan. Aku juga _____ (5) dengan pengesan automatik dan maklumat tentang keselamatan.

Pengguna aku mestilah _____ (6) untuk mematuhi panduan penggunaanku. Mereka hendaklah menggunakan aku secara _____ (7) dan tidak _____ (8) aku.

Selain itu, pemilik aku juga bertanggungjawab untuk membuat _____ (9) secara _____ (10). Tujuannya adalah untuk _____ (11) tiada komponen yang rosak dan suis kecemasan _____ (12) dengan baik.

Aku berasa sangat gembira kerana dapat _____ (13) kepada para pengguna. Aku _____ (14) akan _____ (15) sehingga akhir hayatku. Hargailah kemudahan dan gunakanlah aku dengan selamatnya.